



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PROGRAM SUBSIDI UPAH 3.0 SECARA BERSASAR
SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP), PERKESO
BIL. 2/2021 | 19 JANUARI 2021

1. Apakah Program Subsidi Upah (PSU), PSU 2.0 dan PSU 3.0?

- PSU 1.0, PSU 2.0 dan PSU 3.0 adalah **bantuan kewangan** yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap **pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah**
- Tujuan PSU ialah untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan bagi semua perusahaan.

JENIS	PERUNTUKAN	TARIKH PERMOHONAN	SEKTOR PENGKHUSUSAN	HAD BIL PEKERJA SETIAP TUNTUTAN	TEMPOH SUBSIDI UPAH
PSU 1.0	PRIHATIN dan PENJANA	1 April 2020 – 30 September 2020	Semua sektor	200 pekerja	6 bulan
PSU 2.0	KITA PRIHATIN	1 Oktober 2020 – 31 Disember 2020	Semua sektor	200 pekerja	<ul style="list-style-type: none">• 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada• 6 bulan bagi permohonan baru

PSU 3.0	BELANJAWAN 2021	1 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Sektor pelancongan & runcit	500 pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada • 6 bulan bagi permohonan baru
	PERMAI	19 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Semua sektor di negeri yang terlibat dengan PKP		1 bulan sahaja

2. Bilakah PSU 3.0 mula berkuatkuasa?

- Bagi sektor pelancongan dan runcit PSU 3.0 bermula berkuatkuasa pada **1 Januari 2021**.
- Bagi PSU PERMAI melibatkan semua sektor di negeri yang terlibat dengan PKP berkuatkuasa pada **19 Januari 2021**.

3. Bilakah tarikh akhir permohonan PSU 3.0 termasuk PSU PERMAI?

- Tarikh akhir permohonan PSU 3.0 adalah pada **30 Jun 2021**.

4. Apakah syarat kelayakan majikan untuk memohon PSU 3.0 dan faedah yang akan diterima?

- Sila rujuk **Jadual 1** seperti berikut:

JADUAL 1: KELAYAKAN DAN FAEDAH PSU 3.0

a) Saiz Perusahaan	75 orang pekerja dan ke bawah	76 hingga 200 orang pekerja	201 orang pekerja dan ke atas (lebih 200 orang)
b) Had Bilangan Pekerja yang Boleh Dituntut	75 orang	200 orang	500 orang

c) Kadar Bayaran bagi majikan sektor pelancongan & runcit	
Sedia ada (PSU 1.0, 2.0)	RM600 sebulan setiap pekerja selama 3 bulan
Baharu (PSU 3.0)	RM600 sebulan setiap pekerja selama 6 bulan
d) Kadar Bayaran bagi majikan daripada semua sektor di negeri yang terlibat dengan PKP	
Sedia ada dan Baharu	RM600 sebulan setiap pekerja selama 1 bulan
e) Syarat-Syarat Kelayakan:	
Kadar Penurunan Pendapatan atau Jualan	Kadar penurunan sebanyak 30% atau lebih jumlah jualan atau pendapatan bulanan tahun 2020 / 2021 berbanding dengan bulan yang sama pada tahun 2019 sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
Pendaftaran Majikan	1. Majikan dan pekerjanya hendaklah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 Januari 2021 2. Majikan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM - Companies Commission of Malaysia) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum 1 Januari 2021
Gaji Pekerja	Pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah
Syarat-Syarat Lain	Bagi majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini, mereka disyaratkan untuk mengekalkan semua pekerja mereka yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Majikan dibenarkan untuk mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji selepas berunding dengan pekerja
Cara Permohonan	Permohonan hendaklah dikemukakan oleh majikan melalui capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my

5. Apakah syarat tambahan yang diletakkan di bawah PSU 3.0?

- Perusahaan di dalam sektor **pelancongan dan runcit sahaja** yang layak memohon PSU 3.0.
- Perusahaan di dalam semua sektor di negeri yang terlibat dengan PKP **sahaja** yang layak memohon PSU 3.0.
- Industri-industri ini adalah antara industri yang tidak dapat dibuka sepenuhnya pada tahun 2021 dan masih terkesan akibat penularan wabak COVID-19.
- Senarai aktiviti sektor yang berkaitan telah diperincikan di www.myfuturejobs.gov.my.

6. Siapakah yang TIDAK LAYAK memohon PSU 3.0?

- Majikan dan pekerja yang belum berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum **1 Januari 2021**;
- Majikan atau perusahaan yang mendaftar SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan dan beroperasi **pada atau selepas 1 Januari 2021**;
- Majikan yang **belum berdaftar** bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- Majikan yang bukan daripada sektor pelancongan dan runcit **kecuali** majikan yang beroperasi di negeri yang terlibat dengan PKP;
- Pekerja yang bergaji bulanan melebihi RM4,000;
- Pekerja yang telah diberhentikan kerja;
- Pekerja yang sedang digajikan di bawah program Insentif Penjana Kerjaya (*Hiring Incentive*);
- Pekerja sektor awam, badan berkanun persekutuan dan negeri, semua badan berkanun yang diasingkan saraan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan);
- Pekerja asing dan pegawai dagang (*expatriate*); dan
- Majikan yang **menarik diri dari permohonan PSU 3.0 selepas permohonan diluluskan oleh PERKESO.**

7. Bagi permohonan PSU 3.0, apakah dokumen yang diperlukan?

- Dokumen yang diperlukan ialah:
 - i. Senarai nama pekerja (mengikut had kelayakan saiz perusahaan);
 - ii. Maklumat akaun bank majikan (salinan muka depan penyata bank sahaja);
 - iii. Maklumat *Business Registration Number (BRN)* yang didaftarkan oleh majikan ketika pembukaan akaun bank. Sila rujuk pihak bank dan memastikan No BRN dan No akaun adalah tepat bagi mengelakkan sebarang kesulitan;
 - iv. Salinan pendaftaran SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan; dan
 - v. Akaun Pengisytiharan PSU3.0.

8. Apakah yang dimaksudkan dengan maklumat *Business Registration Number* (BRN)?

- Maklumat *Business Registration Number* (BRN) adalah maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan yang didaftarkan oleh majikan ketika pembukaan akaun semasa syarikat di bank.
- Majikan hendaklah berhubung dengan pihak bank masing-masing bagi memastikan BRN yang diberikan adalah yang betul dan tepat.
- Majikan perlu memuat turun borang BRN dari portal PRIHATIN melalui capaian di laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my, seterusnya mengisi, melengkapkan borang dan memuat naik kembali ke laman sesawang tersebut setelah ianya dilengkapkan.
- Maklumat Akaun Bank dan BRN syarikat seperti di atas diperlukan bagi tujuan pembayaran terus ke akaun majikan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT).
- Kegagalan majikan dalam memberikan BRN yang betul akan melambatkan proses pembayaran subsidi upah.

9. Apakah itu borang Akuan Pengisytiharan PSU3.0?

- Akuan Pengisytiharan PSU3.0 ialah suatu dokumen pengesahan dan aku janji secara bertulis bahawa majikan mengesah atau mengisytiharkan perkara-perkara yang terkandung di dalamnya adalah benar dan betul bagi tujuan permohonan PSU 3.0. Borang ini perlu diisi oleh semua majikan tanpa mengira saiz perusahaan dan sektor.

10. Kenapakah pekerja yang bergaji RM4,000 ke atas tidak diliputi di bawah PSU walaupun membuat caruman bulanan PERKESO?

- PSU adalah peruntukan daripada Kerajaan yang disalurkan melalui pakej PRIHATIN termasuk PSU 3.0 untuk membantu majikan yang terkesan akibat krisis COVID-19 untuk meneruskan pengoperasian dan mengekalkan pekerja mereka. Program ini juga adalah untuk lebih membantu pekerja dalam golongan B40 yang berpendapatan RM4,000 dan ke bawah.

11. Apakah tafsiran gaji atau pendapatan RM4,000 ke bawah yang dimaksudkan bagi permohonan PSU ini?

- Tafsiran gaji atau pendapatan adalah mengikut tafsiran gaji di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]. Semua pembayaran berbentuk wang kepada pekerja dianggap sebagai gaji seperti gaji pokok / kerja lebih masa / komisen / bayaran-bayaran sewaktu cuti tahunan, sakit, bersalin, rehat, kelepasan am dan sebagainya / elaun-elaun insentif, kelakuan baik, sara hidup dan sebagainya / caj perkhidmatan (*service charge*). Gaji tertakluk kepada had siling RM 4,000.

12. Adakah majikan sedia ada yang sedang menerima PSU perlu mengemukakan permohonan yang baru untuk PSU 3.0?

- Majikan **sedia ada** yang sedang menerima PSU **wajib** mengemukakan **permohonan PSU 3.0** di Portal PRIHATIN prihatin.perkeso.gov.my.

13. Setelah permohonan PSU 3.0 bulan diluluskan, adakah majikan perlu mengemukakan permohonan yang baru bagi tuntutan yang seterusnya?

- Majikan **tidak perlu** mengemukakan permohonan PSU yang baru bagi tuntutan bulan-bulan berikutnya. Walau bagaimanapun, majikan dikehendaki mengemaskini perubahan maklumat di prihatin.perkeso.gov.my jika terdapat perubahan kepada status keaktifan perniagaan atau bilangan pekerja yang layak melalui sistem.
- Sekiranya berlaku perubahan (**pengurangan atau penambahan**) pada senarai nama pekerja, majikan hendaklah mengemukakan perubahan tersebut selewat-lewatnya pada **15 hari bulan pada bulan berkenaan**.
- Permohonan yang mengandungi maklumat yang tidak tepat seperti bilangan pekerja tempatan tidak sama dengan maklumat majikan di PERKESO (Portal ASSIST) atau permohonan yang mengandungi senarai pekerja asing, permohonan tersebut akan dikuiiri untuk tindakan selanjutnya. Sehubungan itu, majikan hendaklah mengisi maklumat pekerja tempatan dengan tepat bagi mengelakkan kelewatan pemprosesan permohonan tersebut.

- PERKESO berhak **menolak** sebarang permohonan sekiranya majikan gagal memberikan maklumat yang betul dan tepat.
- Tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap majikan yang mengemukakan permohonan dan tuntutan palsu.

14. Bolehkah majikan yang telah beroperasi sebelum 1 Januari 2021 tetapi tidak berdaftar dengan PERKESO memohon PSU 3.0?

- **Tidak**, mana-mana majikan yang ingin mengemukakan permohonan PSU hendaklah berdaftar dengan PERKESO serta SSM, PBT atau lain-lain badan professional sebelum 1 Januari 2021 dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja.

15. Sekiranya majikan telah berdaftar dengan Perkeso sebelum 1 Januari 2021 dan mempunyai sebahagian pekerja yang telah mula bekerja pada 1 Februari 2020 tetapi belum berdaftar dengan PERKESO. Adakah majikan layak untuk memohon PSU 3.0?

- **Ya**, majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 3.0. Namun begitu, pekerja hendaklah merupakan seseorang yang telah mula bekerja dan **berdaftar di bawah majikan** tersebut **sebelum 1 Januari 2021** dan majikan hendaklah mendaftarkan pekerja tersebut dengan PERKESO (Portal ASSIST) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan bagi bulan berkenaan.

16. Sekiranya majikan telah lulus permohonan PSU 2.0 pada bulan Disember 2020, adakah majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 3.0?

- **Ya**, majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 3.0 jika memenuhi syarat kelayakan di Jadual 1 (Soalan 4(d)) sebelum 30 Jun 2021. Setelah selesai mendapat bantuan PSU yang diluluskan sebelum ini, majikan akan menerima bantuan tambahan seperti yang ditetapkan bagi PSU 3.0 ini.

17. **Sekiranya permohonan majikan telah ditolak sebelum ini, adakah majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 3.0 yang baru diumumkan?**
- **Ya**, majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 3.0 ini dengan membuat permohonan baharu di portal PRIHATIN melalui capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my dengan memenuhi syarat kelayakan di Jadual 1 (Soalan 4(d)).
18. **Sekiranya majikan telah lulus permohonan PSU sebelum ini tetapi sebahagian daripada pekerjaanya ditolak kerana berdaftar selepas 1 April 2020 atau berdaftar selepas 1 September 2020 bagi PSU 2.0, adakah majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 3.0 bagi pekerja tersebut?**
- **Ya**, majikan berkenaan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 3.0 bagi pekerja yang berdaftar selepas 1 April 2020 atau 1 September 2020 tersebut. Subsidi upah yang akan diterima bagi pekerja berkenaan adalah pada kadar RM 600 sebulan selama **tiga bulan sahaja bagi sektor pelancongan dan peruncitan atau satu bulan sahaja bagi semua sektor** di negeri yang terlibat dengan PKP di bawah PSU 3.0 dengan memenuhi syarat kelayakan di Jadual 1 (Soalan 4(d)).
19. **Bagaimanakah majikan hendak membuktikan kadar penurunan pendapatan atau jualan sebanyak 30% peratus atau lebih?**
- Majikan boleh membuktikan penurunan pendapatan atau jumlah jualan sebanyak 30% atau lebih selepas PKPP dengan menyatakan jumlah berkenaan di dalam permohonan PSU 3.0 melalui capaian portal prihatin.perkeso.gov.my yang menunjukkan kadar penurunan sebanyak 30% atau lebih daripada jumlah jualan atau pendapatan bulanan tahun 2020 berbanding dengan bulan yang sama pada tahun 2021 (perubahan year on year).

• Contohnya:

Bulan/Tahun	Hasil jualan/pendapatan
Disember 2019	RM 100,000
Disember 2020	RM 69,500
Januari 2020	RM 120,000
Januari 2021	RM 78,000

20. **Sekiranya majikan telah membuktikan kadar penurunan pendapatan atau jualan pada permohonan PSU 2.0, adakah majikan perlu membuktikan semula pada permohonan PSU 3.0?**

- **Tidak**, pihak PERKESO akan menggunakan pembuktian penurunan pendapatan atau jualan di permohonan PSU2.0 bagi kelulusan permohonan PSU3.0.

21. **Sekiranya terdapat pekerja yang berhenti secara sukarela dengan majikan dan menerima PSU, PSU 2.0 dan PSU 3.0, adakah majikan perlu mengemukakan permohonan yang baru?**

- **Tidak**, majikan tidak perlu mengemukakan permohonan yang baru dan hanya perlu mengemaskini senarai baru pekerja selewat-lewatnya pada **15 hari bulan pada bulan berkenaan** mengikut kelayakan dengan melalui capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my. Kegagalan majikan tidak melaporkan perubahan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

22. **Apakah yang boleh dilakukan oleh pekerja sekiranya majikan yang menyertai PSU tidak membayar gaji pekerja, memotong gaji, mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji ataupun memberhentikan perkhidmatan pekerja?**

- Pekerja boleh menyemak senarai nama majikan yang telah diluluskan permohonan PSU di laman web PERKESO <https://www.myfuturejobs.gov.my>.
- Pekerja juga boleh membuat aduan berhubung PSU 3.0 di <https://eaduansip.perkeso.gov.my>.

- Sebarang masalah perburuhan di luar PSU 3.0, pekerja juga boleh merujuk kepada pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di talian 03-8890 3404 atau 03-8886 2409 atau emel di jtksm@mohr.gov.my

23. Apakah yang boleh dilakukan oleh PERKESO sekiranya menerima aduan daripada pekerja berkaitan isu bayaran gaji dan pemberhentian pekerja setelah bantuan PSU, PSU 2.0 dan PSU 3.0 diterima?

- PERKESO berhak untuk menggantung bayaran dan menuntut semula bayaran yang telah diterima oleh majikan dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap majikan yang gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

24. Syarikat saya mempunyai pekerja warganegara Malaysia dan juga pekerja bukan warganegara yang berdaftar dengan PERKESO. Bolehkah jumlah pekerja asing tidak dimasukkan dalam kiraan penentuan saiz jumlah pekerja?

- **Tidak boleh**, majikan perlu mengisytihar jumlah keseluruhan bilangan pekerja yang digaji termasuk pekerja bukan warganegara.

25. Adakah majikan atau pemilik syarikat termasuk dalam pengiraan penentuan saiz perusahaan bagi permohonan PSU 3.0?

- **Tidak**, pengiraan penentuan saiz perusahaan bagi permohonan PSU 3.0 adalah mengikut syarat kelayakan pekerja di bawah Akta 4, PERKESO.

26. Bagaimanakah majikan akan dapat mengetahui sama ada permohonan PSU 3.0 telah diterima, diluluskan atau ditolak?

- Majikan akan menerima No. Rujukan sebaik sahaja permohonan lengkap telah diisi di laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my dan boleh menyemak status permohonan menggunakan No. Rujukan yang diberikan.

- Senarai nama majikan yang diluluskan permohonan PSU juga akan dipaparkan di laman web PERKESO <https://www.myfuturejobs.gov.my> termasuk bilangan pekerja yang diluluskan.

27. Adakah majikan perlu membayar caruman PERKESO dan SIP setelah menerima bantuan PSU?

- Ya, majikan hendaklah membayar caruman sepertimana yang telah disyaratkan di bawah Akta 4 dan Akta 800.

28. Adakah majikan dibenarkan untuk menggunakan sebahagian daripada jumlah bantuan PSU yang telah diterima untuk membayar caruman PERKESO dan SIP bagi pihak majikan?

- **Majikan tidak boleh** menggunakan sebahagian bayaran PSU dan PSU 3.0 bagi tujuan syer caruman PERKESO dan SIP majikan.

29. Adakah majikan perlu membayar caruman bagi pekerja yang diberi Cuti Tanpa Gaji yang menerima PSU, PSU 2.0 dan PSU 3.0?

- Ya, majikan masih perlu membayar caruman PERKESO dan SIP seperti biasa semasa dan selepas menerima bayaran PSU sebagaimana gaji pekerja yang dibayar kepada pekerja setiap bulan.

30. Adakah pembayaran PSU dibayar kepada majikan berdasarkan bilangan kod majikan tersebut atau kepada majikan itu sahaja?

- PSU dibayar kepada majikan berdasarkan kepada pendaftaran dengan pihak yang berkuasa seperti SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan dan **tidak** berdasarkan kepada bilangan kod majikan bagi cawangan-cawangan perusahaan tersebut.
- Permohonan daripada beberapa kod majikan yang berbeza tetapi dengan satu pendaftaran SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan yang sama akan dikira sebagai **satu permohonan**.

- Sekiranya terdapat lebih daripada satu permohonan daripada dua kod majikan yang berbeza tetapi berdaftar dengan SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan yang sama, maka jumlah bilangan pekerja yang layak adalah berdasarkan saiz pekerja perusahaan **keseluruhan kedua-dua cawangan** permohonan tersebut.
- Had kelayakan bilangan pekerja bagi PSU adalah berdasarkan satu pendaftaran dengan pihak yang berkuasa seperti SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan sahaja.
- Sekiranya satu atau lebih cawangan daripada majikan tersebut tidak terlibat dengan negeri PKP, majikan tersebut masih layak untuk menerima bayaran PSU.

TARIKH KUATKUASA

Soalan Lazim Bil. 2 Tahun 2021 adalah berkuatkuasa mulai 19 Januari 2021. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
19 JANUARI 2020**